

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Industri halal berpotensi _____ keperluan dan kehendak penduduk beragama Islam di seluruh Malaysia.
A dipenuhi
B memenuhi
C terpenuhi
D memenuhkan
- 2 Pengeluar makanan _____ tradisi Terengganu berjaya menembusi pasaran antarabangsa.
A sejuk beku
B dingin beku
C sejuk dingin
D panas sejuk

Soalan 3 – 4

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 3 Sektor seperti makanan, minyak sawit, bahan mentah, kosmetik, dan ubat-ubatan merupakan antara penyumbang utama industri halal.
A antara penyumbang utama di dalam industri halal
B ialah antara penyumbang utama industri halal
C di antara penyumbang utama industri halal
D antara penyumbang utama industri halal
- 4 Industri makanan mempunyai potensi untuk dimajukan dari semasa ke semasa.
A dari masa ke semasa
B daripada masa ke masa
C daripada semasa ke semasa
D dari semasa ke semasa

Soalan 5

Ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 5 Kursus Keusahawanan itu banyak ^A memberikan manfaat kepada ^B bakal ^C peniaga.
Tiada kesalahan. ^D

Soalan 6

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 6 I Lebih banyak e-usahawan dapat dilahirkan dengan adanya bantuan dan pemantauan daripada kerajaan.
II Mei Ling dan keluarganya telah pergi ke Festival Makanan Antarabangsa di Pulau Pinang pada hujung minggu lepas.
III Sektor perkilangan berkembang kerana adanya promosi, galakan, dan lain-lain insentif.
IV Kerajaan harus memperluaskan bantuan seperti modal dan skim pinjaman yang lebih mudah dan mesra untuk perniagaan dalam talian.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Ulasan
Jawapan PT3 2019

Sistem Bahasa Bahagian A – Soalan 13
Jawapan ialah A. Peribahasa *seperti itik pulang petang* bermaksud berjalan beriring-iringan dan dengan pergerakan yang sangat lambat.